

NO. SOALAN : 128

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 25 MEI 2016

SOALAN :

YB. Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan mengikut bancian terkini yang dibuat melalui Perbadanan Perpustakaan Negara dan agensi-agensi yang berkaitan, berapakah purata buah buku yang dibaca oleh rakyat Malaysia.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia 1996, jumlah bahan bacaan yang dibaca oleh rakyat Malaysia hanya 2 naskhah buku setahun.

Kajian seterusnya pada tahun 2005 menunjukkan rakyat Malaysia membaca sekurang-kurangnya 2 naskhah buku setahun.

Pada tahun 2010, terdapat peningkatan ketara terhadap minat membaca rakyat Malaysia kepada 8 hingga 12 naskhah buku setahun. Dalam Kajian Olahan Semula Profil Membaca Rakyat Malaysia 2010 menunjukkan:-

- I. 55% rakyat Malaysia membaca 8 naskhah buku setahun;
- II. 33.2% membaca antara 10 hingga 20 naskhah buku setahun; dan
- III. 11.8% yang lain membaca lebih daripada 20 naskhah buku setahun.

Kajian Interim Tabiat Membaca Rakyat Malaysia 2015 yang terkini dilaksanakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia menunjukkan rakyat Malaysia secara puratanya membaca sebanyak 15 naskhah buku setahun.

TAHUN	TAJUK KAJIAN	DAPATAN KAJIAN
1996	Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia	2 naskhah
2005	Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia	Sekurang-kurangnya 2 naskhah
2010	Kajian Olahan Semula Profil Membaca Rakyat Malaysia	8-12 naskhah
2015	Kajian Interim Tabiat Membaca Rakyat Malaysia	15 naskhah

Sekian, terima kasih.